



## SIARAN MEDIA

### SME CORP. MALAYSIA BANTU 99 USAHAWAN BUMIPUTERA NEGERI SELANGOR

---

**Tanjung Karang, 24 Februari 2022 –** SME Corp. Malaysia telah membantu 99 syarikat PKS bumiputera di Negeri Selangor pada tahun 2021 melalui Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP) dengan nilai keseluruhan berjumlah RM17.34 juta.

Pada tahun 2021 juga, SME Corp. Malaysia telah meluluskan sejumlah RM39.35 juta kepada 315 syarikat PKS di bawah program yang sama di seluruh negara. Sejumlah 99 kelulusan bernilai RM17.34 juta melibatkan PKS di negeri Selangor, iaitu kira-kira satu per tiga daripada jumlah kelulusan pada tahun 2021. Sepanjang tempoh RMK-11, sejumlah 1,227 permohonan bernilai RM141.05 juta telah diluluskan di bawah Program BEEP.

YB Tan Sri Noh Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dalam ucapan beliau berkata BEEP yang dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia merupakan program khusus bertujuan untuk mewujud dan membangunkan PKS Bumiputera yang berdaya saing, berdaya tahan dan dinamik melalui bantuan bersepada dengan pendekatan bimbingan, termasuk memperkuatkan teras perniagaan PKS”.

Tambah beliau lagi, “Pakej bantuan yang disediakan kepada PKS di bawah program ini adalah berbentuk geran bersamaan yang merangkumi bantuan Produktiviti dan Automasi, Peningkatan Pembungkusan Produk, Pensijilan dan Sistem Pengurusan Kualiti, Pembangunan dan Inovasi Produk, Pembangunan Penjenamaan dan Promosi, Aplikasi Dalam Talian, e-Dagang, e-Pembayaran dan Aplikasi ICT”.

Beliau berkata demikian ketika program lawatan turun padang ke Syarikat Mustawa Dairy Farm Sdn Bhd pada hari ini yang merupakan salah sebuah syarikat penerima Geran Program BEEP. Syarikat Mustawa mengusahakan ladang dan produk tenusu jenis *Friesian* yang diimport dari Australia. Syarikat juga merupakan pusat rujukan penternak produk tenusu sekitar kawasan Tanjung Karang.

Turut hadir semasa program turun padang ini adalah YBhg. Dato' Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YBrs. Encik Rizal Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia, serta wakil dari Ahli Perbadanan SME Corp. Malaysia.

-TAMAT-

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Encik Muhamad Ibrahim emel - [muhamad@smecorp.gov.my](mailto:muhamad@smecorp.gov.my)/ telefon 019 6646407 atau Encik Mohamad Hanif Tamin emel - [hanif@smecorp.gov.my](mailto:hanif@smecorp.gov.my) / 013 9997941.

### **Tentang SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penyelaras program pembangunan PKS, penilaian ekonomi serta pengakreditasian PKS, pembangunan perniagaan dan program sokongan, dan juga fasilitasi akses PKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

### **PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)**

Tingkat 6, Blok B, Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 1300-30-6000  
Faks : 603-2775 6001  
E-mail : [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)